

# Sokongan industri tak menyeluruh

Hanya pilih penyelidikan impak tinggi serta cepat dipasar



DR. MUSTAFA

**FOKUS**

Oleh Ruhzala Rusmin  
ruhaizarusmin@  
metro.com.my

Sehingga kini, isu mengkomersialkan hasil penyelidikan di universiti tidak pernah berakhir malah jalan penyelesaian sentiasa diusahakan bagi membantu menyelesaikan dilema pihak terbabit.

Biarpun pengkomersialan bukan dianggap tanggungjawab hakiki institusi pengajian tinggi (IPT), kepentingannya dalam menyelesaikan isu tertentu seperti lambakan penyelidikan sukar dinaikkan.

Dengan kata lain, pengkomersialan ibarat penyambung hayat kepada penyelidikan bagi menjana sumber kewangan diperolehi.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Profesor Dairi Dr Mustafa Mohd Hanefah berkata, bidang pengkomersialan adalah cabaran terbesar IPT di negara ini bagi menjamin kelangsungan penyelidikan.

Beliau berkata, pengkomersialan bertujuan menjamin penyelidikan mampu berdaya saing serta dapat dimanfaatkan golongan sasaran.

"Pengkomersialan bagaikan nadi utama yang boleh memastikan penyi-

dikan tidak menjadi sia-sia. "Berapa banyak sekala pun penyelidikan dilakukan, jika aspek pengkomersialan gagal disusun dengan baik, pembaziran tetap berlaku.

"Penyelidikan dan pengkomersialan perlu selari bagi menjamin situasi menang-menang kepada semua pihak terutama mengelak konflik longkongan produk penyelidikan," katanya.

**"Apa boleh dilakukan ialah usah berputus asa melakukan penyelidikan terutama yang mampu menambat mata industri"**

Prof Dairi Dr Mustafa Mohd Hanefah



PEMILIHAN bukan sekadar mencari kepada produk tetapi mencukupi pelbagai aspek. - Gambar hiasan



INDUSTRI perlu datang ke universiti supaya IPT dapat lebih berdaya saing. - Gambar hiasan



MUJAWAN yang diusahakan oleh IPT sebagai projek komersial di peringkat antarabangsa seperti ini. - Gambar hiasan

SUDAN terbabit hasil penyelidikan dilakukan IPT tempatan menepati piawaran serta selangit penyelidikan antarabangsa. - Gambar hiasan



PEMBERIAN geran kepada penyelidik melalui IPT yang kepengkongsian penyelidikan sentiasa diutamakan. - Gambar hiasan

Beliau berkata, tidak wujud istilah pembaziran setiap penyelidikan dilakukan kerana ia sebahagian proses pembelajaran dan pengajaran.

"Cuma, jika berlaku lambakan penyelidikan, ia akan menimbulkan isu lain.

"Pengkomersialan penting bagi memastikan penyelidikan tidak berdepan konflik pembaziran serta mampu menjana semula pulangan kepada IPT.

"Namun, setiap penyelidikan dibahaskan tidak pernah membazir atau sia-sia kerana kepentingannya boleh dimanfaatkan secara menyeluruh," katanya.

Isu pengkomersialan produk penyelidikan bukan baru malah berlaku sejak negara menjadikan penyelidikan sebagai salah satu teras utama pembelajaran dan pengajaran serta antara syarat kenaikan pangkat pensyarah di IPT awam.

Ia selari bagi mencapai taraf negara maju yang menjadikan bidang penyelidikan antara ca-

bang terpenting dalam penghasilan teknologi serta inovasi baru.

Sokongan kurang menyeluruh industri dalam hasil penyelidikan tertentu bagi merencanakan aktiviti pengkomersialan yang disasarkan walaupun hasil penyelidikan mampu dikomersialkan.

Bagaimanapun, pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) turut mengesampingkan usaha membantu mengatasi dilema ini dengan menubuhkan Unit Inovasi Khas (UNIK) di bawah Pejabat Perdana Menteri pada 16 Julai 2010.

Beliau berkata, dari segi penghasilan produk penyelidikan, IPT mampu menunjukkan peningkatan kualiti dan kuantiti.

"Cuma, dalam aspek pengkomersialan, sokongan industri masih perlu diperkukuh serta diperluas.

"Industri begitu selektif dan memilih hasil penyelidikan berimpak tinggi; cepat dipasarkan atau lebih dipercayai penyelidikan luar.

"Senario ini yang mengesalkan pengkomersialan penyelidikan tempatan - biarpun kemampuan hasil penyelidikan berpotensi tinggi," katanya.

"Berbanding di luar negara, produk penyelidikan IPT sentiasa dicari dengan industri pergi kepada institusi.

"Mereka mahu menjalin kerjasama kerana masing-masing tahu peranan yang perlu dilakukan.

"Berbanding di sini, industri kurang datang kepada kami menyebabkan persefahaman mahupun pertukaran maklumat mengenai apa diingini kurang diperolehi kedua-dua pihak," katanya.

Menurutnya, antara cabaran utama pengkomersialan ialah bagaimana mahu menyeragamkan permintaan (match matching) industri dengan penyelidikan.

"Pengkomersialan sukar dilakukan jika kedua-dua

aspek ini tidak mencapai keserasian.

"Dalam hal ini pengkomersialan dikuasai industri yang menentukan pemilihan produk penyelidikan diingini atau dipasarkan.

"Kerana itu penyelidikan perlu bersedia bagi memenuhi permintaan pengkomersialan yang berubah-ubah," katanya.

Fokus utama IPT yang lebih menurus kepada pengembangan ilmu pembelajaran dan pengajaran serta menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat juga adalah mengesalkan pengkomersialan perlu dilakukan oleh pihak lain lebih berkepakaran.

"Kami di IPT tidak mempunyai kepakaran menyeluruh menentukan apa permintaan industri kerana fokus yang berbeza.

"Setiap penyelidikan bukan berasaskan keuntungan komersial semata-mata berbanding industri.

"Sebab itu, jalinan IPT bersama industri sangat penting," katanya.

Di negara ini, katanya, pengkomersialan masih menjadi isu utama mungkin didasari faktor tertentu.

"Berbanding di luar negara, produk penyelidikan IPT sentiasa dicari dengan industri pergi kepada institusi.

"Mereka mahu menjalin kerjasama kerana masing-masing tahu peranan yang perlu dilakukan.

"Berbanding di sini, industri kurang datang kepada kami menyebabkan persefahaman mahupun pertukaran maklumat mengenai apa diingini kurang diperolehi kedua-dua pihak," katanya.

Bagi IPT, pengkomersialan bukan semata-mata mahu mewujudkan hubungan dengan industri tetapi memanfaatkan hasil penyelidikan kepada pengguna akhir," katanya.